



## KENYATAAN MEDIA

---

### KARNIVAL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (LPJ) 2023

Lembaga Pelabuhan Johor buat julung kalinya mengadakan **KARNIVAL LPJ 2023** yang berlangsung mulai 15 Disember sehingga 17 Disember 2023 bertemakan Karnival 'Gerbang Selatan Malaysia Memperkasakan Komuniti'. Tema ini dipilih bagi membina hubungan antara pelabuhan dengan komuniti ke arah ekosistem masa hadapan yang lestari dan mampan.

Konsep penganjuran berbentuk karnival ini memberi tumpuan kepada komuniti setempat untuk mereka mengenali dengan lebih dekat akan tugas dan fungsi LPJ di dalam mengawalselia kedua-dua pelabuhan di negeri Johor iaitu Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

LPJ telah mengaturkan pelbagai program sepanjang 3 hari karnival ini berlangsung. Antara program yang telah diadakan termasuklah lawatan ke pelabuhan melalui bot dan bas, pertandingan mencungkil bakat kanak-kanak, pelajar sekolah dan belia, pameran agensi dan penjualan produk IKS, Forum Bicara Ad-din, *Ports of Johor Treasure Hunt*, *Night Fun Run*, program kesedaran kesihatan, persembahan artis-artis jemputan dan cabutan bertuah kepada pengunjung.

Selain itu, LPJ tidak pernah lupa akan tanggungjawab untuk menjaga aspek kesejahteraan komuniti. Melalui penganjuran Karnival LPJ 2023, LPJ berharap dapat mempromosi dan meningkatkan tahap pengetahuan umum komuniti terhadap aktiviti-aktiviti operasi yang dijalankan di dalam pelabuhan, serta mendidik komuniti akan trend semasa pembangunan pelabuhan selaras dengan kemajuan teknologi semasa, serta cabaran-cabaran yang perlu dihadapi untuk memastikan operasi pelabuhan dapat dijalankan dengan selamat dan efisien. Secara tidak langsung, ilmu yang disampaikan ini diharapkan dapat menarik minat lebih ramai generasi muda untuk menceburi pekerjaan sektor pelabuhan, maritim dan logistik.

**LEMBAGA PELABUHAN JOHOR**

**17 DISEMBER 2023**